

03 MAY 2004

Mahathir-Umno

JAWATAN PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN UMNO TAK WAJAR DITANDINGI 'BUAT SELAMA-LAMANYA', KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 3 Mei (Bernama) -- Bekas Presiden Umno Tun Dr Mahathir Mohamad berkata jawatan presiden dan timbalan presiden Umno tidak wajar dipertandingkan "buat selama-lamanya" bagi menentukan perpecahan tidak berlaku dalam parti.

"Pengisian kedua-dua jawatan itu harus dibuat secara peralihan kuasa sahaja," katanya pemberita selepas menyampaikan ucap-tama pada Seminar Antarabangsa Mengenai Antartika anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Jawatan timbalan presiden Umno kini kosong kerana setelah Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memangku jawatan presiden ekoran pengunduran Dr Mahathir pada Oktober tahun lepas.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, kini menjalankan tugas timbalan presiden parti.

"Eloklah kita melantik seseorang untuk memegang jawatan timbalan tanpa ditinggalkan supaya kita ada pengganti," kata Dr Mahathir.

Ditanya sampai bilakah kedua-dua jawatan itu tidak akan dipertandingkan, beliau berkata: "Sampai matilah (untuk selama-lamanya)".

Dr Mahathir berkata, sememangnya jika berlaku kekosongan jawatan, anggota-anggota Umno boleh mengadakan pemilihan pucuk pimpinan tetapi demi kepentingan dan mengelak parti daripada berpecah, mereka haruslah melantik seseorang tanpa bertanding bagi memegang jawatan utama itu.

Bagaimanapun, katanya, beliau bersetuju dengan pertandingan bagi jawatan-jawatan naib presiden.

"Jawatan naib presiden bolehlah bertanding," kata Dr Mahathir.

Ketika ditanya mengenai kelemahan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam mengendalikan pilihan raya umum ke-11 pada Mac lepas, beliau berkata apa yang berlaku adalah kelemahan manusia dan bukannya salah SPR.

"SPR telah melakukan yang terbaik tetapi ada manusia yang cuba masuk sebelah sana dan masuk sebelah sini dan timbulkan masalah," katanya.

-- BERNAMA
AZE MAI